

Pekebun buah dibantu

•2019-11-11T00:30:01+08:00



BERKUALITI: Uggah (kanan) bersama yang lain menunjukkan buah Rock Melon yang dituai dari ladang milik Terence (kiri) di Jalan Serian-Sri Aman semalam.

SERIAN: Kerajaan negeri sedia membantu pekebun buah yang menunjukkan minat dan komitmen untuk memperluaskan perusahaan mereka.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, kerajaan mempunyai beberapa program untuk membantu para pekebun buah.

Antaranya termasuk geran, pinjaman modal teroka selain nasihat teknikal dan profesional.

Sebagai tambahan katanya, kerajaan juga mewujudkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan atau CPPC untuk membantu memasarkan hasil buah pekebun.

Beliau berkata demikian ketika lawatan ke Semukoi Agro Farm Sdn Bhd di KM79 Jalan Serian-Sri Aman dekat sini semalam.

Kebun tersebut yang menanam 'Rock Melon Jepun' dimiliki usahawan tani Iban iaitu Terence S.Landong.

Dalam pada itu Uggah turut gembira melihat peningkatan bilangan usahawan Bumiputera dalam sektor pertanian.

“Mereka menjalankan peranan membantu memenuhi aspirasi negeri menjadi pengeksport tetap makanan dan produk makanan menjelang 2030.

“Saya berharap mereka akan mengikuti langkah usahawan lain yang berjaya dengan mendapatkan pentauliah MyGAP dan pensijilan lain untuk membolehkan produk mereka menembusi pasaran luar,” katanya.

Mengenai kebun yang diusahakan Terence dan keluarganya, fasa pertama penanaman 5,000 anak pokok Rock Melon telah dilakukan pada 7 Mac tahun ini.

Pada bulan Mei tahun ini, sebanyak 6,000 kilogram buah Rock Melon berjaya dituai, diikuti penuaian kedua sebanyak 8,000 kilogram pada Ogos tahun ini.

Buah Rock Melon yang dihasilkan dari kebun berkenaan mencecah berat antara dua hingga tiga kilogram sebiji.

Pada September lepas, sebanyak 5,300 pokok lagi ditanam oleh Terence dan tuaian pertama dilakukan pada minggu pertama bulan ini.